BAB 5

PERANAN DALAM ASPEK SOSIO-BUDAYA

BAB 5 PERANAN DALAM ASPEK SOSIO-BUDAYA

5.1 Perkembangan dan Peranan Sosial

5.1.1 Identiti

Masyarakat Melayu Patani yang tinggal di Kuala Terengganu pada hari ini dapat dikategorikan kepada dua peringkat. Peringkat yang pertama adalah merupakan mereka yang telah lama menetap di Kuala Terengganu setelah melepasi beberapa generasi terdahulu dan terasimilasi sepenuhnya sebagai masyarakat Melayu tempatan. Manakala peringkat kedua pula merupakan generasi Melayu Patani yang baru berhijrah dan menetap di Kuala Terengganu dalam jangka masa dua dekad sebelum ini.

Pada peringkat pertama, proses penghijrahan dan perpindahan adalah dipengaruhi oleh faktor hubungan diplomatik, ekonomi dan juga penyebaran Islam yang begitu pesat. Sepertimana hubungan politik yang terjalin antara pemerintah Patani dan Johor telah mewujudkan pemerintahan baru di Terengganu dengan pelantikan Tun Zainal Abidin sebagai Sultan Terengganu yang pertama dan generasinya kekal hingga ke hari ini. Malah hubungan dagang yang pesat antara rantau Asia Tenggara dan juga Asia Timur pada abad ke- 17 dan 18 turut menjadi alasan yang kuat betapa hubungan tersebut melibatkan produk eksport dan import antara Terengganu dan Patani. Di samping itu , penyebaran Islam di rantau Asia Tenggara juga mengalami proses yang sama bilamana para pendakwah dari Patani telah keluar dan berhijrah ke serata pelusuk nusantara ini untuk menyebarkan Islam termasuklah ke Kelantan dan Terengganu. Kesemua keadaan yang dirintis

tersebut secara tidak langsung mempengaruhi pola penghijrahan dan penempatan masyarakat Melayu Patani di rantau ini amnya dan Terengganu khususnya.

Namun demikian, apabila suasana kestabilan politik mulai goyah pada akhir abad ke – 18 dan awal abad ke – 19 dan dalam masa yang sama sering diancam oleh pihak kerajaan Ayuthaya di sebelah utara, Patani akhirnya berjaya dilumpuhkan dan dijajah oleh pihak Siam. Situasi politik yang porak peranda itu telah mendesak dan mendorong begitu ramai rakyat Patani berundur menyelamatkan diri ke serata pelusuk negeri yang berdekatan dan dianggap selamat terutama Kelantan dan Terengganu serta Kedah, Perlis dan juga Perak.

Pada waktu tersebut, Tok Syeikh Qadi (Wan Muhammad Amin) dan keluarganya termasuklah anaknya Tok Syeikh Duyong telah meninggalkan Patani bersama-sama Tok Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas dan lain-lain ke Pulau Duyong. Keluarga mereka yang membina penempatan di Pulau Duyong ketika itu telah berkembang dari generasi ke generasi hingga ke hari ini dengan nama yang berpangkalkan istilah ***Wan***. Oleh sebab itu, gelaran Wan ini begitu dominan di Pulau Duyong, Bukit Bayas, Losong Haji Long dan Tanjung khususnya dan di Terengganu serta lain-lain tempat amnya.

Pada peringkat kedua pula, generasi yang baru berhijrah ke Kuala Terengganu pada dua dekad terakhir ini kebanyakannya dipengaruhi oleh faktor politik dan ekonomi. Walau bagaimanapun, keseluruhan responden dan lain-lainnya tidak memakai gelaran Wan di pangkal nama mereka. Ini


menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Patani yang menetap di Kuala Terengganu terdiri daripada mereka yang memakai atau mempunyai pangkal nama Wan dan juga menggunakan nama yang biasa sepertimana orang lain. Berdasarkan kepada kajian lanjut yang dilakukan, didapati bahawa golongan Wan merupakan golongan aristokrat di Patani bersama dengan golongan yang memakai pangkal nama Nik, tetapi taraf sosial golongan Wan berada di atas dari golongan Nik. Dalam pada itu, golongan Nik amat dominan di negeri Kelantan. Kelompok Wan dan Nik adalah merupakan kelompok generasi pembesar dan pemerintah di negeri Patani yang juga amat rapat dengan generasi kesultanan Patani pada waktu dahulu.

Setelah kedatangan kelompok pengiring Sultan Zainal Abidin I dan juga Tok Syeikh Duyong serta lain-lainnya ke Terengganu, mereka turut diberi tempat yang istimewa di dalam struktur masyarakat dan pemerintahan di Terengganu. Menurut Tuan Haji Wan Abdullah bin Wan Muda, terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi oleh individu tertentu yang ingin diberikan gelaran istimewa oleh Sultan Terengganu pada waktu sebelum Perang Dunia Kedua meletus, iaitu mereka mestilah anak tempatan dan juga terdiri dari kelompok keturunan Wan.[1] Peranan dan pengaruh keturunan Wan di dalam aspek pemerintahan pada ketika itu dan sebelumnya amat ketara sekali. Oleh kerana itulah kepercayaan dan penghormatan yang begitu tinggi dianugerahkan kepada generasi Wan berbanding dengan kelompok masyarakat biasa.

---

1 Temuramah bersama Tuan Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Muda di Losong Haji Long, Kuala Terengganu pada 23 Julai 1997.

Terdapat satu lagi bentuk pengekalan identiti yang ketara di kalangan kelompok Wan terutama di Losong Haji Long dan Bukit Bayas. Ianya adalah merupakan satu ruang khas tanah perkuburan yang menempatkan hanya kelompok atau generasi Wan sahaja. (lihat gambar 5.1) Kawasan yang pertama terletak di Losong Haji Long dibentengi oleh simen batu setinggi 2 ½ hingga 3 kaki, panjangnya di sekitar 30 kaki dan lebar 20 hingga 25 kaki.[2]



Gambar 5.1 : Kawasan kubur generasi keturunan Haji Wan Abdul Latif di Losong Haji Long.


---

2 Wawancara dengan Haji Wan Kamal bin Wan Nik @ Wan Mahmud pada 30 Disember 1997 di Losong Haji Long. (Penghulu keturunan Haji Wan Abdul Latif). Lihat




Gambar 5.2 : Batu nesan yang paling besar adalah kubur Haji Wan Abdul Latif al-Hafiz.

Kedudukan keseluruhan kawasan yang membentengi kelompok Wan di Losong Haji Long adalah seperti lakaran di bawah:



senarai nama waris Wan Abdul Latif yang telah meninggal.(Lampiran I)

Sementara itu, sebuah lagi kawasan tanah perkuburan yang dikelilingi oleh tembok batu dan dikatakan kubur keturunan Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas (lihat gambar 5.3). Keluasan tembok ini adalah 25 kaki lebar, 30 kaki panjang dan 3 hingga 5 kaki tinggi. Terdapat 11 buah kubur di dalam kawasan tersebut termasuklah kubur Haji Wan Ahmad (bekas Penghulu Kampung Bukit Bayas – lihat salasilah D(1)a) dan Haji Wan Long Muhd Salleh (Dato' Sangsura Pahlawan). Menurut Encik Wan Hanif, pada suatu ketika dahulu kawasan tersebut menjadi tumpuan mengadakan upacara *'menjejak tanah'* bagi kanak-kanak yang berusia satu tahun yang baru pandai berjalan. Sebuah tempayan diletakkan di dalam kawasan kubur berkenaan untuk tujuan tersebut. Namun demikian, amalan khurafat seperti itu tidak lagi diamalkan pada masa kini (lihat gambar 5.4 hingga 5.6).



Gambar 5.3 : Kawasan Perkuburan Islam Kampung Bukit Bayas.



Gambar 5.4 : Kawasan perkuburan khas keturunan Haji Wan Ahmad.



Gambar 5.5 : Kubur Haji Wan Ahmad (batu nesan besar)



Gambar 5.6 : Masih kelihatan sebuah tempayan yang digunakan untuk upacara *'jejak tanah'*.



Gambar 5.7 : Encik Wan Hanif bergambar kenangan bersama dua anaknya.

Pada hari ini, kelompok generasi Wan tersebut telah tercerna sepenuhnya sebagai masyarakat tempatan Terengganu dengan identiti bahasa dan budaya yang sama sedangkan masyarakat Melayu Patani generasi baru pula tidak terasimilasi sepenuhnya dengan gaya bahasa dan budaya yang sedikit berbeza. Walaupun kedua-dua generasi ini menjadikan Islam sebagai agamanya, mereka telah dipisahkan oleh satu jarak yang jauh dan menjalani suasana penghidupan yang tersendiri. Apatah lagi generasi yang baru berhijrah ini lahir dan membesar dengan suasana kehidupan di Patani. Mereka tinggal di Patani dengan dilingkari oleh pengaruh Islam dan juga Buddha. Kehidupan generasi baru Melayu Patani agak berbeza dengan generasi yang lama di Patani. Ini kerana perbezaan budaya hidup yang wujud sebelum Patani berada di bawah pemerintahan Siam dan semasa berada di bawah penguasaan Siam. Apa yang nyata ialah budaya hidup Islam begitu subur di Patani sebelum dikuasai oleh Siam, tetapi semuanya mulai longgar dan terbantut kerana sentiasa ditekan oleh pihak junta Thailand selepas daripada itu.

Oleh yang demikian, kedatangan generasi Melayu Patani yang baru ini secara tidak langsung membawa unsur dan ciri kehidupan yang agak berbeza dengan generasi yang lama. Hal ini dapat dibuktikan dengan penguasaan pertuturan dan penulisan dalam bahasa Thai yang begitu baik di kalangan mereka.

Selain daripada itu, kajian lanjut yang dilakukan mendapati purata 1.5 orang setiap keluarga yang mempunyai dua nama dari kalangan masyarakat

Melayu Patani generasi baru. Penggunaan dua nama seorang berlaku bilamana segelintir daripada mereka yang menggunakan nama yang lain sewaktu berada di Malaysia dan nama yang sebenar (nama Melayu Islam) semasa di Patani. Hal ini wujud setelah kedatangan mereka ke Malaysia yang memerlukan kad pengenalan yang sah sebagai warganegara Malaysia. Dalam keadaan ini, mereka bertindak menyembunyikan identiti nama yang sebenar (asal) sebagai sesuatu yang wajar dilakukan demi menjaga kepentingan diri dan keluarga.

Kehidupan masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu pada ketika ini boleh dianggap telah dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat. Proses sosialisasi yang berlaku dengan unsur agama Islam yang satu dan budaya Melayu yang hampir sama memberikan satu laluan yang mudah untuk terasimilasi dengan masyarakat Melayu yang lain. Malah mereka mudah didekati kerana sikap ramah dan mudah bergaul. Terdapat sebilangan kelompok generasi Melayu Patani yang baru ini yang mudah untuk dikenali dengan pemakaian gelaran ***al – Fatani*** di akhir nama mereka. Gelaran tersebut dipakai oleh individu tertentu sahaja di kalangan mereka seperti ulama dan tokoh yang berpengaruh di dalam masyarakat yang menunjukkan bahawa mereka berasal dari Patani.[3] Gelaran ini hanya diselitkan pada nama sahaja dan tidak tercetak bersama nama dalam kad pengenalan, malah ia hanya merupakan panggilan yang popular di kalangan

---

3 Kebiasaannya para penulis dan ilmuan serta perantau yang tidak menetap di tanahair sendiri kerap menggandingkan nama negeri asal atau tempat kelahiran mereka di hujung nama masing-masing sebagai kenangan dan tanda pengenalan diri. Umpamanya seperti al-Makki (Mekah); al-Raniri (Ranir); al-Mandili atau al-Mandahilin (Mandiling/Mandahiling);

masyarakat tempatan. Contohnya ialah Tuan Guru Haji Abdul Rahman al – Fatani di Kuala Terengganu. Beliau merupakan ahli Majlis Fatwa Negeri Terengganu dan Ahli Jawatankuasa Adat Istiadat Melayu Terengganu.

5.1.2 Bahasa

Pada dasarnya, bahasa Melayu menjadi bahasa utama dalam perbualan harian dan digunakan dalam semua aspek kehidupan masyarakat Melayu Patani. Namun begitu, terdapat perbezaan loghat yang nyata antara bahasa Melayu yang digunakan oleh masyarakat Melayu Terengganu dengan masyarakat Melayu Patani.

Generasi Melayu Patani dari kelompok Wan yang telah enam hingga tujuh generasi tinggal di Kuala Terengganu adalah terasimilasi sepenuhnya sebagai masyarakat Melayu Terengganu, maka bahasa yang digunakan juga adalah sepertimana masyarakat Melayu Terengganu tempatan.

Manakala masyarakat Melayu Patani yang baru berhijrah ke Kuala Terengganu pula selain daripada dapat bertutur dalam loghat Melayu Terengganu walaupun agak sederhana, juga dapat menguasai bahasa ibunda sendiri, iaitu loghat Patani dan bahasa Thai. Dalam pada itu, penggunaan bahasa Thai hanyalah pada tempat dan keadaan tertentu sahaja, khususnya apabila mereka berhubungan dengan masyarakat Buddha Thai di Patani sama ada sebagai jiran ataupun tidak.

---

al-Minkabawi (Minangkabau); al-Janbi (Jambi); al-Falimbani (Palembang); al-Rawi (Riau); al-Bantani (Banten); al-Samarani (Semarang); al-Banjari(Banjar) dan lain-lain lagi.

Jadual 5(a) di sebelah menunjukkan kadar kebolehan dan kekerapan penggunaan bahasa Melayu dan Thai di kalangan masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu.

JADUAL 5(a) : PERBANDINGAN KADAR KEBOLEHAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU PATANI (RESPONDEN) DI KUALA TERENGGANU

	Masyarakat Melayu Patani Generasi Lama (Wan)									Masyarakat Melayu Patani Generasi Baru															
	Bahasa Melayu				Bil	Bahasa Thai				Bil	Bahasa Melayu								Bil	Bahasa Thai								Bil
	1		2	3	4		1	2	3	4		1		2		3		4			1		2		3		4		
	%	Bil	-			-		%	Bil		%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil		%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	
Pemahaman	100	90	-		90	-		100	90	90	100	30							30	63.3	19	20	6	10	3	6.7	2	30
Percakapan	100	90	-		90	-		100	90	90	100	30							30	40	12	36.7	11	6.7	2	16.6	5	30
Pembacaan	100	90	-		90	-		100	90	90	90	27	10	3					30	30	9	36.7	11	13.3	4	20	6	30
Tulisan	100	90	-		90	-		100	90	90	93.3	28	6.6	2					30	30	9	36.7	11	13.3	4	20	6	30

Sumber: **Borang Kaji Selidik** Petunjuk : **1 = 81 – 100 % ; 2 = 61 – 80 % ; 3 = 41 – 60 % ; 4 = kurang dari 40 %**

Bil – Bilangan Responden; % - Peratus

Bilangan Reponden :

a. Masyarakat Melayu Patani Generasi Lama (90 orang) ;

b. Masyarakat Melayu Patani Generasi Baru (30 orang).

Jadual 5(a) menunjukkan bahawa kadar kebolehan penggunaan bahasa Melayu di kalangan masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu pada keseluruhannya adalah amat baik. Walaupun pada keseluruhannya mereka mampu memahami dan bercakap dalam bahasa Melayu, terdapat kira-kira 3 % daripada masyarakat Melayu Patani generasi baru yang tidak mempunyai kebolehan sepenuhnya dalam pembacaan dan 2 % dalam penulisan. Walau bagaimanapun, ia tidak menjejaskan hubungan secara langsung, baik dengan masyarakat tempatan ataupun dengan yang lain-lain. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keadaan ini termasuklah kelompok yang tidak mendapat pendidikan dalam bahasa Melayu sepenuhnya di Patani tetapi orientasi pendidikan yang ada adalah lebih berbentuk tulisan Jawi dan bahasa Arab. Malah mereka ini majoritinya adalah yang baru berhijrah pada awal tahun 1990-an. Pendidikan berbentuk pondok amat dominan di Patani yang mana menggunakan pengantar tulisan Jawi dan bahasa Arab.

Di samping itu, kadar kebolehan dalam penggunaan bahasa Thai mempunyai pola yang berbeza, iaitu pemahaman dan percakapan mereka dalam bahasa tersebut lebih baik berbanding dengan kadar pembacaan dan tulisan. Kadar kefahaman paling baik dalam bahasa Thai mencapai 63.3 % dan percakapan pula sebanyak 40 %. Manakala kebolehan mereka dalam aspek pembacaan dan tulisan pula didapati tidak sebaik aspek pemahaman dan percakapan dengan 36.7 % pada tahap 61 hingga 80 %. Hal ini wujud disebabkan proses hubungan langsung seharian yang berlaku di kalangan responden dengan kelompok etnik Thai semasa di Patani. Oleh kerana itu,

walaupun mereka dapat memahami dan bercakap dalam bahasa Thai, tidak semestinya mereka dapat menulis dan membaca dalam bahasa Thai sepenuhnya. Sepertimana hasil kajian yang diperolehi, terdapat sesetengah daripada mereka yang tidak mendapat pendidikan dalam bahasa Thai disebabkan penumpuan terhadap sekolah dan institusi pondok di Patani. Namun begitu, ada juga di kalangan mereka yang mendapat pendidikan Thai sewaktu zaman persekolahan dahulu. Oleh yang demikian, mereka ini mampu menulis dan membaca serta bercakap dan faham bahasa Thai.

Berkemungkinan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keputusan mereka dalam memilih corak pendidikan sendiri. Antara faktor tersebut ialah pemikiran ibu bapa mereka yang sememangnya anti-Siam dan seboleh-bolehnya mahu memulau sekolah-sekolah Thai yang didirikan, apatah lagi pendidikan bahasa Thai telah dijadikan mata pelajaran wajib bagi semua sekolah dan pondok agama di Patani. Proses asimilasi budaya dan bahasa yang diterapkan oleh kerajaan Thai terhadap masyarakat Melayu Patani secara tidak langsung turut mempengaruhi budaya hidup generasi muda yang lebih bangga menggunakan bahasa Thai daripada bahasa Melayu Patani sendiri. Inilah hakikat yang pahit untuk ditelan oleh para generasi tua di Patani sementelah pula di Kuala Terengganu sendiri yang bimbang terhadap pengaruh yang akan mewarnai penghidupan mereka di perantauan.

Selain daripada itu, kadar kekerapan penggunaan bahasa Melayu dan Thai di kalangan Melayu Patani di Kuala Terengganu pula menunjukkan pola

yang berbeza disebabkan latar belakang sosial yang berlainan. Berikut adalah jadual 5(b) yang menunjukkan pola dan kadar tersebut.

JADUAL 5(b) : KADAR KEKERAPAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DAN THAI DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU PATANI (RESPONDEN) DI KUALA TERENGGANU.

	Masyarakat Melayu Patani Generasi Baru (MPGB)											Masyarakat Melayu Patani Generasi Lama (MPGL)												
	Bahasa Melayu						Bahasa Thai				Bil	Bahasa Melayu				Bahasa Thai				Bil	Jum	
	1		2		3	4	1	2	3	4		1		2	3	4	1	2	3	4			
	B	%	B	%	-		-		B	%	B	%		B	%	-		-		B	%		B	%
A	30	100			-		-				30	100	30	90	100	-		-		90	100	90	120	100
B	27	90	3	10	-		-				30	100	30	90	100	-		-		90	100	90	120	100
C	30	100			-		-				30	100	30	90	100	-		-		90	100	90	120	100
D	28	93.3	2	6.7	-		-		1	3.4	29	96.6	30	90	100	-		-		90	100	90	120	100
E	28	93.3	2	6.7	-		-		2	6.7	28	96.6	30	90	100	-		-		90	100	90	120	100
F	30	100			-		-		6	20	24	80	30	90	100	-		-		90	100	90	120	100
G	30	100			-		-				30	100	30	90	100	-		-		90	100	90	120	100
H	30	100			-		-				30	100	30	90	100	-		-		90	100	90	120	100

Sumber : **Borang Kaji Selidik**

Petunjuk :

B – Bilangan ;

A – Keluarga , B – Kawan , C – Jiran , D – Pasar , E – Mengira , F – Mengingat ,
G – Mendengar Radio & TV , H – Upacara Agama ;

1 – Terlalu Kerap , 2 – Kerap , 3 – Jarang , 4 – Tidak digunakan.

Jadual 5(b) menunjukkan bahawa MPGL menggunakan bahasa Melayu yang sangat kerap dalam kehidupan keluarga, jiran, sewaktu mendengar radio dan menonton televisyen serta dalam upacara keagamaan seperti sempena sambutan Maulidur Rasul, Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha serta lain-lainnya. Sebaliknya bahasa Thai tidak digunakan langsung dalam interaksi sesama keluarga, jiran dan sewaktu upacara agama berlangsung. Hal ini berlaku demikian disebabkan keseluruhan ahli keluarga adalah berbangsa dan berbudaya Melayu serta beragama Islam. Meskipun demikian, MPGB pula menunjukkan pola yang sedikit berbeza di mana penggunaan Bahasa Melayu adalah kerap terutama sewaktu perbualan dengan kawan, di pasar dan mengira sesuatu. Ketiga-tiga pola tersebut merangkumi 10 % (kawan) dan masing-masing 6.7 % bagi aspek apabila berbual di pasar dan mengira.

Manakala terdapat juga di antara mereka yang jarang-jarang ataupun kadangkala menggunakan bahasa Thai terutama semasa mengingati sesuatu, mendengar radio dan televisyen, mengira dan sewaktu di pasar. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat terhadap pengusaha restoran, didapati bahasa Thai digunakan apabila mengambil pesanan makanan pelanggan.

5.1.3 Perkahwinan

Perkahwinan yang dipraktikkan di kalangan masyarakat generasi keturunan Wan dan juga generasi Melayu Patani yang baru secara keseluruhannya menurut tuntutan agama Islam. Namun demikian, bentuk dan unsur perkahwinan golongan Wan agak berbeza sedikit berbanding dengan yang lain. Ciri – ciri perkahwinan sesama sanak saudara di dalam kumpulan kelompoknya sendiri disebut sebagai *kelompok keturunan* [4] ini berlaku kepada kelompok Wan di Kuala Terengganu. Contoh yang amat nyata ialah kelompok Tok Syeikh Duyong di Pulau Duyong dan keturunan Syeikh Wan Abdul Kadir Bukit Bayas. Bentuk perkahwinan dalam kelompok sama yang berpangkalkan nama Wan (Wan ... + Wan ...) sudah menjadi satu tradisi dan adat yang dipegang kukuh sepanjang masa sehinggalah Perang Dunia Kedua meletus. Menurut kajian yang dilakukan, didapati bahawa apabila sampai waktu yang sesuai untuk teruna dan dara mendirikan rumahtangga, para ibu bapa kedua-dua calon akan berbincang sambil membuka lembaran salasilah kedua-duanya untuk menentukan layak ataupun tidak untuk disatukan. Para ibu bapa tersebut akan cuba memilih calon yang mempunyai latar belakang keluarga dan keturunan yang baik, kuat beragama dan terdiri daripada keturunan alim ulama[5]. Kedua-dua calon tidak diberikan peluang untuk membuat pilihan sendiri, malah akan menuruti segala keputusan yang dibuat oleh ibu bapa mereka. Tindakan mereka yang menyerahkan segala

---

4 Fox, Robin (Terjemahan oleh Suffian Sahuri), ***Persanakan dan Perkahwinan***, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 112.

5 *Op.cit.*

keputusan kepada ibu bapa mereka sendiri bukanlah bermakna bahawa mereka tidak diberikan kebebasan peribadi dalam hal tersebut, tetapi ia dianggap sebagai anak yang patuh dan taat sepenuhnya terhadap kedua-dua orang tua mereka. Oleh kerana itu, rasa hormat yang amat tinggi terhadap kedua-dua ibu bapa mereka mengatasi segala-galanya. Mereka merasa bimbang dan khuatir seandainya mereka turut bersuara dalam hal ini akan dianggap sebagai *anak derhaka*. Menurut Encik Wan Hanif dari Bukit Bayas[6], berdasarkan adat sedia ada, upacara akad nikah akan diadakan di rumah pihak lelaki bukannya di rumah pihak perempuan sepertimana kelaziman yang dilakukan oleh kelompok masyarakat Melayu yang lain.

Kelompok keturunan Wan di Pulau Duyong, Chabang Tiga, Losong, Bukit Bayas dan sekitar Kuala Terengganu akan menjalinkan hubungan perkahwinan ini sesama mereka, iaitu ahli kelompok Wan di Pulau Duyong akan ditemukan dengan ahli kelompok Wan di Bukit Bayas. Pola sedemikian ini menjadi sebahagian daripada adat yang dipegang kukuh oleh mereka. Oleh sebab itu, keturunan Tok Syeikh Duyong, Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas dan lain-lain akan berada dalam satu lingkaran kelompok mereka sendiri di Kuala Terengganu. Suatu ketika dahulu, kelompok Wan dari Patani dan Terengganu juga pernah bertukar-tukar pasangan jodoh sepertimana kelompok Wan dari Patani, iaitu Wan Yaakub dan Wan Abas telah datang ke Kuala Terengganu semata-mata untuk mencari jodoh dan merapatkan tali

---

6 Wawancara dengan Encik Wan Hanif bin Wan Embong di Kampung Bukit Bayas, Kuala Terengganu pada 9 Disember 1997. (keturunan Syeikh Abdul Kadir)

kekeluargaan dengan kelompok Wan yang ada di sini [lihat Salasilah D – Lampiran C]. Wan Yaakub telah mengahwini Wan Sharifah dan Wan Abas pula berkahwin dengan Wan Maryam (adik Wan Sharifah) di Losong. Wan Sharifah dan Wan Maryam adalah anak Haji Wan Endut dan Tok Wan Ngah Losong. Keturunan Wan Yaakub tersebut telah berkembang di Losong dan Tanjung. Manakala keturunan Wan Abas pula turut berkembang di Losong, Bukit Bayas dan di Kedah [lihat Salasilah D (I) d – Lampiran C].

Selain daripada itu, penggunaan pangkal nama Wan ini adalah berbentuk *patrilineal*, iaitu anak yang dilahirkan dari bapa yang mempunyai pangkal nama Wan akan juga memakai pangkal nama Wan. Namun sekiranya pihak bapa tidak mempunyai pangkal nama WAN walaupun ibunya berpangkalkan nama Wan, anaknya tidak akan dinamakan dengan pangkal nama Wan. Gambaran lanjut adalah seperti rajah 5.1 di bawah :

RAJAH 5.1 : CONTOH PENURUNAN NAMA KELOMPOK WAN.

CONTOH BAPA		IBU		ANAK
1. **Wan** Ahmad	+	**Wan** Aminah	=	**Wan** Shukri
2. **Wan** Idris	+	Zubaidah	=	**Wan** Salmah
3. Sulaiman	+	**Wan** Rokiah	=	Zaki

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa alasan mengapa perkahwinan dalam kelompok ini diamalkan. Antaranya ialah [7]:

a. Untuk mengikat tali silaturrahim di kalangan ahli keluarga dan sanak saudara.

b. Mengawal harta pusaka agar tidak tumpah ke tangan kelompok yang lain melainkan kepada darah daging sanak saudara sendiri.

Sekiranya dirujuk kepada salasilah keturunan Wan yang dilampirkan (Salasilah A – D), didapati bahawa perkahwinan tersebut berlaku antara sepupu (yang paling dekat) dan tiga pupu (yang paling jauh). Beberapa contoh perkahwinan antara sepupu dan kelompok yang dapat disertakan di sini ialah seperti berikut:

I. <u>Perkahwinan antara sepupu (lihat Lampiran C)</u>

1. Cucu dengan cucu Tok Syeikh Duyong (rujuk salasilah C(vi) dan C(vii))

   a. Wan Wok (anak Wan Daud) + Wan Long (anak Wan Abdul Kadir) = Wan Abdul Rahman (Datuk Purba Diraja).

2. Wan Sulaiman (Dato' Kamal Wangsa) + Wan Mek dan Wan Andak (anak Wan Chik) – rujuk salasilah C(vi).

3. Wan Embong Muhd. (anak Wan Long Muhd Salleh – Dato' Sangsura Pahlawan) + Wan Chik (anak Wan Wok Halimah)

   – rujuk salasilah D(I)b.

---

7 *Op.cit.*

4. Che Awang (anak Wan Nik (P)) + Wan Andak (anak Wan Ngah)
- rujuk salasilah C (v) [anak-anaknya berpangkalkan nama Che dan sekarang ada yang menetap di Pulau Duyong]

II. Perkahwinan antara kelompok Wan.(lihat Lampiran C)

1. Wan Selamah (anak Syeikh Abdul Kadir) + Wan Hitam (anak Tok Syeikh Duyong) – rujuk salasilah C (ii).
2. Wan Ahmad [Tok Penghulu] (anak Wan Hitam ~ kelompok Tok Syeikh Duyong) + Wan Kalthum (anak Wan Ahmad Keramat Losong ~ Losong) – rujuk salasilah C (ii).

Walau bagaimanapun, adat perkahwinan sebegini rupa mulai longgar dan lebih terbuka selepas zaman Perang Dunia Kedua. Para ibu bapa tidak lagi bersikap terlalu mengambil perhatian yang serius berkenaan soal perkahwinan sesama kelompok di kalangan anak-anak mereka, malah mengizinkan anak mereka untuk memilih jodoh sendiri sama ada dalam kelompok sendiri ataupun di luar kelompok mereka. Antara faktor yang turut mempengaruhi ialah reformasi pendidikan yang diterima oleh kebanyakan ibu bapa yang mulai menerima struktur pendidikan yang diterapkan oleh penjajah Inggeris sewaktu memerintah Tanah Melayu pada waktu tersebut hingga kemerdekaan pada 1957. Struktur pendidikan yang baru dan berlainan dengan apa yang diterima semasa menuntut di pondok-pondok pengajian Islam turut mempengaruhi pemikiran masyarakat ke arah lebih terbuka. Sementelahan

pula bandar Kuala Terengganu sebagai pusat pemerintahan negeri Terengganu sememangnya menerima perubahan yang lebih pesat berbanding dengan tempat lain baik dari struktur fizikal mahupun dalamannya.

Kajian yang lebih mendalam terhadap perkembangan institusi kekeluargaan kelompok Wan juga menunjukkan bahawa komposisi keluarga mereka telah merangkumi peringkat keluarga luas (*extended family)* yang telah berkembang dari enam hingga tujuh generasi setakat hari ini. (lihat salasilah keluarga Wan ~ salasilah B – D di Lampiran C)

Perbandingan struktur keluarga Wan dan masyarakat Melayu Patani generasi baru di Kuala Terengganu dapat digambarkan dalam rajah 5.2 di bawah :

RAJAH 5.2 : PERBANDINGAN DIMENSI STRUKTUR KELUARGA WAN DAN MELAYU PATANI GENERASI BARU DI KUALA TERENGGANU

DIMENSI	JENIS	
	KET. WAN	MEL.PATANI GEN.BARU
KOMPOSISI PASANGAN	a. MONOGAMI b. POLIGAMI	a. MONOGAMI b. POLIGAMI
KOMPOSISI GENERASI KELUARGA	a. NUKLEAR b. LUAS	a. NUKLEAR
SUSUR GALUR KETURUNAN	a. BILATERAL	a. BILATERAL
TEMPAT TINGGAL	a. BILOKAL b. NEOLOKAL	a. NEOLOKAL
KUASA DALAM KELUARGA	a. PATRIAKAL	a. PATRIAKAL

Sumber : Kaji Selidik

Berdasarkan kepada jadual di atas, didapati bahawa terdapat beberapa persamaan dan perbezaan dalam struktur kekeluargaan kelompok Wan dan Melayu Patani generasi baru. Sebahagian besar persamaan yang wujud di antara kedua-duanya adalah disebabkan oleh tuntutan latar belakang agama

Islam yang dianuti. Contohnya ialah komposisi pasangan untuk membina keluarga dalam Islam adalah dibolehkan pihak lelaki berkahwin hingga empat orang isteri[8]. Oleh kerana itu, bentuk *monogami* dan *poligami* adalah sesuatu perkara biasa yang wujud di kalangan masyarakat Melayu Patani sendiri.

Manakala perbezaannya pula ialah komposisi generasi keluarga masyarakat Melayu Patani generasi baru masih di peringkat *keluarga nuklear* iaitu wujud lingkungan hubungan yang nyata antara bapa - anak atau anak – ibu (2 generasi sahaja). Keadaan ini berlaku disebabkan oleh purata sebilangan besar daripada mereka adalah penghijrah yang baru tinggal di Kuala Terengganu dan usia perkahwinan yang masih muda.

Justeru itu juga, corak penempatan mereka secara langsung adalah berbentuk *neolokal* disebabkan oleh faktor penghijrahan keluarga nuklear dari Patani ke Kuala Terengganu yang memisahkan jarak daripada keluarga ibu bapa mereka di sana. Mereka akan membina hidup berkeluarga secara berdikari di tempat yang baru. Manakala kelompok Wan pula memperlihatkan corak penempatan *bilokal* dan *neolokal*. Kedua-dua corak ini wujud sama ada mereka tinggal di dalam lingkungan kelompok sendiri di Kuala Terengganu mahupun di luar, iaitu kawasan penempatan baru di tempat yang lain. Faktor ekonomi memberikan pengaruh yang besar terhadap

---

[8] Lihat H.Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs. (Terjemahan), ***Tafsir Qur'an***, Pustaka Jiwa Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1997, Ayat al-Quran, ***Surah an-Nisa' (4 : 3)*** – Maksudnya : *" Dan kalau kamu khuatir tidak dapat berlaku adil terhadap anak-anak yatim itu, maka kahwinilah perempuan-perempuan yang kamu sukai, dua, tiga dan empat, tapi kalau kamu khuatir tidak dapat berlaku adil (antara perempuan-perempuan itu), hendaklah satu saja atau kepunyaan tangan kananmu ; itu lebih dekat kepada kelurusan (tidak aniaya)".*

perubahan situasi tersebut sementelahan pula proses urbanisasi yang begitu cepat berkembang di bandar Kuala Terengganu dan pusat-pusat bandar seperti Kuala Lumpur dan lain-lainnya.

Sejajar dengan perkembangan tersebut, kelompok Wan ini telah menampakkan corak perkahwinan yang lebih terbuka dengan mengikat tali perkahwinan di luar kelompok Wan itu sendiri. Sepertimana yang berlaku terhadap Wan Safiah yang menjadi isteri kepada Tok Ku Paluh yang berketurunan Syed (lihat Salasilah B). Hasil daripada itu, maka keturunan Syed yang juga berbentuk patrilineal ini secara tidak langsung mengekalkan identiti Syed di pangkal nama zuriat mereka. Manakala contoh yang lain pula adalah seperti Wan Andak yang berkahwin dengan Che Awang, maka keturunan Che yang berbentuk patrilineal tersebut berkembang dengan memakai pangkal nama Che (lihat Salasilah C(v) – Lampiran C).

Keseluruhan kelompok generasi Melayu Patani yang baru mengikat tali perkahwinan dengan pasangan yang berasal dari Patani sendiri seperti Yala, Penarek dan Patani.

JADUAL 5(c) : TARAF PENDIDIKAN MASYARAKAT MELAYU PATANI DI KUALA TERENGGANU

T	Responden												Suami / Isteri												Anak											
	Arab				Melayu				Inggeris				Arab				Melayu				Inggeris				Arab				Melayu				Inggeris			
	GL		GB		GL		GB		GL		GB		GL		GB		GL		GB		GL		GB		GL		GB		GL		GB		GL		GB	
	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%
A																															62	45.9				
B	7	7.8											18	20.0	7	23.3															29	21.5				
C	13	14.4	9	30.0									32	35.6	21	70.0									32	8.9	24	17.8	54	15.0						
D	6	17.8	2	6.7									29	32.2											42	11.7	5	3.7	55	15.3						
E	15	16.7			9	10.0																			42	11.7	7	5.2	38	10.5						
F	20	22.2	18	60.0					10	11.1	1	3.3	9	10.0							2	2.2	2	6.7	58	16.1	8	5.9	10	2.8			29	8.0		

Sumber : **Borang Kaji Selidik**

Petunjuk : **T-Taraf Pendidikan ; A-Tahap Rendah(1-6) ; B-Men. Rendah(1-3) ;**
C-Men.Tinggi(4-6);D-Sijil;E-Diploma;F-Ijazah.
B – Bilangan Responden; % - Peratus; GL – Generasi Lama; GB – Generasi Baru

5.1.4 Pendidikan

Jadual 5(c) menunjukkan pada asas keseluruhannya semua responden termasuk suami dan isteri serta anak-anak mendapat pendidikan. Berdasarkan kajian, didapati bahawa bentuk pendidikan yang diperolehi adalah merangkumi pendidikan Islam sebanyak 86 %, Melayu sebanyak 10 % dan Inggeris berjumlah 4 %.

Berpandukan jadual 5(c), didapati bahawa pola pendidikan bagi ketiga-tiga kategori tersebut adalah berbeza. Pola pendidikan bagi responden menunjukkan bahawa majoriti daripada mereka memperolehi pendidikan Agama/Arab iaitu sebanyak 99 % dan pendidikan Inggeris berjumlah 1%. Sebanyak 63 % daripadanya mencapai peringkat Ijazah Sarjana Muda dari aliran Agama dan 1 % mendapat Ijazah Sarjana dalam aliran Inggeris berbanding dengan 30 % pada peringkat Menengah Tinggi (Agama) serta 6 % pada peringkat Sijil. Jumlah responden yang berpendidikan Islam begitu dominan disebabkan mereka menerima pendidikan tersebut di Patani , Mekah, Jordan, Mesir , Pakistan dan Indonesia. Latar belakang pendidikan agama sejak kecil sewaktu di Patani telah mempengaruhi corak pendidikan mereka sehingga peringkat dewasa. Sementelah pula suasana ikatan dan pegangan yang kukuh pada Islam di Patani menjadikan kebanyakan ibu bapa memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan agama yang secukupnya. Fungsi dan peranan institusi pondok di Patani sebagai medan awal mendidik anak bangsa menjadi seorang yang berpegang kuat kepada agama tetap diteruskan hingga ke hari ini.

Pada peringkat awalnya, responden mendapat pendidikan rendah dan menengah di Patani dan kemudiannya berhijrah menyambung pelajaran mereka pada peringkat ijazah di seberang laut termasuklah di Timur Tengah seperti Mesir, Mekah (Arab Saudi), Jordan , Pakistan, India, Indonesia dan lain-lain. Setelah berjaya mengakhiri program pengajian mereka di Timur Tengah, kebanyakannya pulang ke Patani semula untuk menabur bakti kepada anak bangsa. Walaupun begitu, keadaan politik dan ekonomi yang tidak menentu menyebabkan mereka meninggalkan tanah air dan berhijrah ke Terengganu. Akhirnya peranan mendidik masyarakat diteruskan di tempat baru seperti Kuala Terengganu dengan bekerja sebagai guru agama di sekolah sekitar Kuala Terengganu seperti Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin dan lain-lain serta sebagai pensyarah di institusi pengajian yang lebih tinggi seperti Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan Ma'ahad Tahfiz di Kuala Terengganu.

Sementara itu, sebanyak 30 % daripada responden mempunyai tahap pendidikan pada peringkat 4 Thanawi di pondok dan sekolah agama di Patani yang sama tarafnya dengan Menengah Tinggi. Kebanyakannya bekerja sebagai peniaga pasar malam dan pengusaha restoran atau kedai makan. Namun begitu , terdapat juga pemegang ijazah Sarjana menjadi pengusaha restoran sepertimana Encik Salim yang membuka Restoran Nil di Batu Burok, Kuala Terengganu. Beliau yang mempunyai ijazah Sarjana dalam bidang Sains Politik dari Universiti Karachi, Pakistan mengambil keputusan bekerja sendiri dengan membuka restoran.

Manakala tahap pendidikan bagi para isteri responden pula menunjukkan majoriti adalah berpendidikan peringkat 4 Thanawi (Menengah

Tinggi iaitu sebanyak 75 %, 23 % pada peringkat Menengah Rendah dan pada peringkat Ijazah sebanyak 2 %. Kebanyakan mereka mendapat pendidikan di Patani, cuma sebilangan kecil yang melanjutkan pengajian hingga ke peringkat ijazah termasuklah sebagai pegawai perubatan.

Pola pendidikan anak-anak masyarakat Melayu Patani pula menunjukkan sebahagian besarnya masih di peringkat Rendah yang berjumlah 76 % ; Menengah Rendah sebanyak 14 %; Menengah Tinggi sebanyak 5 % ; Diploma pula hanya 2 % dan pada peringkat Ijazah pula sebanyak 3 %. Sebahagian besar anak-anak masyarakat Melayu Patani masih di peringkat rendah disebabkan kebanyakan responden baru mendirikan rumah tangga, iaitu antara 7 hingga 8 tahun yang lepas. Dalam pada itu, anak-anak ini dihantar ke sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan yang berpengantarkan bahasa Melayu. Apabila sampai ke peringkat untuk memasuki tahap Menengah Rendah, maka majoriti ibu bapa akan mendaftarkan anak mereka ke sekolah Arab atau Agama seperti Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin dan sebagainya yang terdapat di sekitar Kuala Terengganu.

Selain daripada itu, anak-anak mereka yang masih belum mencapai umur tujuh tahun yang layak memasuki Tahap Satu dihantar ke Pusat Asuhan Kanak-kanak Islam, iaitu TASKA, TASKI, PASTI dan sebagainya.

Pada hari ini, masyarakat Melayu Patani melalui Persatuan Muhajirin telah dapat menubuhkan sebuah pusat asuhan kanak-kanak Islam sendiri dan sebagai perintisnya ia dikenali sebagai Darul Furqan di Losong Haji Mat Shafei, Losong, Kuala Terengganu. Pada peringkat awal ini pusat tersebut akan memainkan peranan sebagai pusat pendidikan al-Quran yang

menumpukan kepada kaedah belajar al-Quran melalui kaedah Iqra' dan seumpamanya. Para pelajar terdiri daripada anak-anak masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu sendiri dan masyarakat tempatan.

Namun demikian, bukan semua anak-anak masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu mendapat pendidikan yang secukupnya, malah ada di antara mereka yang tidak dapat memasuki persekolahan sepertimana kanak-kanak yang lain. Hal ini berlaku disebabkan beberapa masalah yang dialami oleh mereka termasuklah tidak mempunyai dokumen pengenalan diri seperti sijil kelahiran, apatah lagi kad pengenalan. Masalah ini begitu ketara kepada ibu bapa yang melarikan diri dari Patani kerana diburu oleh pihak junta Thailand dan anak yang kematian bapa kerana terlibat dengan peperangan dan lain-lain. Oleh kerana itu, dengan penubuhan Darul Furqan tersebut sekurang-kurangnya masalah peluang pendidikan di kalangan anak-anak yang malang ini dapat diatasi secara beransur ansur.

Dari satu segi, nampaknya pemikiran masyarakat Melayu Patani terhadap pendidikan anak-anak mereka adalah sesuatu yang berpandangan jauh. Ini adalah kerana alasan yang diberikan oleh mereka bahawa pendidikan anak-anak perlulah merangkumi dan memenuhi aspek duniawi dan ukhrawi dengan menguasai pelbagai ilmu bukan sekadar ilmu Islam sebagai asas tapak pembinaan diri dan insan, malah ilmu yang lain juga agar kemajuan dapat dicapai oleh orang Islam keseluruhannya.

Di samping itu, penekanan kepada pendidikan secara informal terhadap anak-anak Melayu Patani ini juga berlaku melalui perhubungan langsung dengan ibu bapa dan keluarga.

JADUAL 5(d) : KADAR KEKERAPAN HUBUNGAN LANGSUNG ANAK DENGAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN INFORMAL

	SANGAT KERAP				KERAP				BIASA				JARANG				JUM.
	GL		GB		GL		GB		GL		GB		GL		GB		
	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	B	%	
a. Solat Berjemaah	13	14.4	16	53.3	31	34.4	11	36.7	38	42.2	2	6.7	8	9	1	3.3	100
b. Makan Bersama	-	-	17	56.7	7	7.8	10	33.3	60	66.7	3	10.0	23	25.5	-	-	100
c. Ajar Ilmu Islam	10	11.1	18	60.0	36	40.0	7	23.3	37	41.1	5	16.7	7	7.8	-	-	100
d. Berbincang	3	3.3	14	46.7	24	26.7	10	33.3	53	58.9	5	16.7	10	11.1	1	3.3	100
e. Bawa Bersiar	-	-	11	36.7	15	16.7	5	16.6	43	47.8	12	40	32	35.5	2	6.7	100
f. Jaga Adab dan Akhlak	17	18.9	5	16.7	60	66.7	9	30.0	13	14.4	13	43.3	-	-	3	10.0	100
Jumlah	43		81		173		52		244		40		80		7		100

Sumber : **Borang Kaji Selidik**

Petunjuk : GL-Generasi Lama; GB-Generasi Baru; B-Bilangan.

Berpandukan Jadual 5(d), kajian menunjukkan bahawa ibu bapa masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu ini amat mengambil berat terhadap pendidikan ilmu berkaitan dengan Islam, iaitu 60 % keseluruhannya. Pendidikan ilmu Islam ini termasuklah mengajar al-Quran, ilmu Fardhu Ain, solat dan perkara-perkara asas dalam Islam yang lain. Justeru itu, dalam usaha memastikan ilmu yang diajar tersebut diamalkan dari semasa ke semasa pihak ibu bapa akan senantiasa berbincang mengenai segala permasalahan yang berkaitan dan juga solat berjemaah bersama dengan anak-anak mereka di rumah.

Selain daripada itu, hubungan kekeluargaan di kalangan mereka turut disemai melalui waktu makan bersama ahli keluarga. Pada waktu inilah wujudnya suasana yang mengeratkan tali kekeluargaan dengan rasa muhibah dan penyelesaian masalah yang timbul. Pengukuhan institusi kekeluargaan ini menjadi agenda utama dalam kehidupan masyarakat Melayu Patani agar mereka dapat melahirkan generasi yang dibentuk oleh al-Quran dan mempunyai sahsiah yang murni. Oleh kerana itu juga, penjagaan terhadap adab dan akhlak anak-anak akan diambil berat dan sentiasa dibajai oleh nilai-nilai yang positif dan terbaik.

5.1.5 Asimilasi Budaya dan Sosialisasi Masyarakat Tempatan

Proses asimilasi sosial di kalangan Melayu Patani sama ada generasi yang lama atau baru mempunyai ciri-ciri dan pola yang nyata berbeza. Generasi Melayu Patani yang terdahulu telah secara langsung tercerna sepenuhnya sebagai Melayu Terengganu berbanding dengan generasi baru yang masih mengalami proses perubahan dan penyesuaian ke arah itu. Kupasan terhadap proses tersebut bukan sekadar menyentuh unsur dan kaedah penyesuaian mereka ke dalam kehidupan masyarakat setempat, malah juga peranan secara timbal balik mungkin berlaku di kalangan mereka yang secara tidak langsung boleh mempengaruhi kelompok masyarakat tempatan untuk menuruti cara hidup dan pandangan mereka pula.

Walaupun identiti masyarakat Melayu Patani yang telah lama menetap di Kuala Terengganu sudah bertukar dan terasimilasi sepenuhnya ke dalam identiti masyarakat tempatan, mereka masih mempunyai prinsip dan sensitiviti yang tinggi. Berdasarkan kajian dan pemerhatian yang dibuat di lapangan, perasaan mereka mudah tersentuh apabila dilontarkan persoalan berkenaan isu umat Islam, politik, bangsa dan seumpamanya. Keadaan ini dapat membezakan antara masyarakat Melayu Terengganu yang tulen dan sebaliknya. Dalam hal ini, kedudukan sensitiviti tersebut pula mempunyai tahap yang berlainan antara masyarakat Melayu Patani generasi yang lama dengan yang baru. Masyarakat Melayu Patani generasi baru berhijrah mempunyai kadar sensitiviti yang lebih tinggi berbanding dengan yang lama.

Terdapat beberapa faktor tertentu yang mempengaruhi situasi tersebut, iaitu:

a. Masyarakat Melayu Patani yang baru berhijrah masih mempunyai ingatan yang segar terhadap pergolakan politik yang berlaku di tanah air sendiri walaupun ianya telah lama berlalu. Oleh kerana itu, mereka sedar siapa mereka dan mengharapkan agar Patani dapat dibebaskan daripada cengkaman pihak Siam pada suatu masa nanti.

b. Masyarakat Melayu Patani generasi lama pula kebanyakannya sudah tidak mengingati susur galur keturunan mereka melainkan yang telah berumur dan memperolehi sejarah keturunan melalui datuk atau nenek yang telah meninggal dunia ; ataupun mereka yang masih menyimpan salasilah keluarga sendiri. Sebilangan daripada mereka yang mengetahui latar belakang keturunan sendiri inilah yang turut menghulurkan bantuan kepada masyarakat Melayu Patani yang baru berhijrah disebabkan kesusahan yang melanda. Mereka memberikan bantuan berupa material atau kewangan, tempat tinggal, memudahkan pengurusan mendapatkan kad pengenalan baru dan sebagainya. Contohnya, Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad yang juga berketurunan Melayu Patani pernah memberikan bantuan dan sokongan kepada Persatuan Muhajirin Patani.[9]

---

9 Temuramah bersama Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Ahmad al-Fatani di Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kuala Terengganu pada 23 Jun 1996.

i) Sosialisasi, Nilai dan Budaya dalam Masyarakat

Kehidupan masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu sama ada di peringkat yang lama atau yang baru, masing-masing mempunyai nilai yang masih dipegang dan diamalkan oleh mereka. Kesinambungan pemakaian nilai dalam diri dan masyarakat ditentukan oleh beberapa ciri dan faktor tertentu. Antara faktor yang terpenting adalah latar belakang bangsa dan agama, persekitaran, perubahan masa, corak perkahwinan, pergaulan (asimilasi).

Pelaksanaan peraturan yang lebih konkrit seperti undang-undang dan norma yang dicipta oleh masyarakat kebiasaannya berpandukan kepada sistem nilai yang tersedia wujud dalam kelompok kumpulannya.[10] Antara nilai yang penting dan masih mengukuh dalam citra peribadi masyarakat Melayu Patani sama ada berketurunan Wan ataupun tidak ialah nilai berbudi. Seandainya *'orang berbudi, kita berbahasa, orang memberi, kita merasa'*, begitulah juga perumpamaan yang boleh digambarkan dalam penghidupan masyarakat yang dipenuhi oleh ketinggian nilai dan budi luhur ini.


Menyelami dasar budi itu sendiri adalah mengikat kasih mesra sesama insan. Kesemua tingkah laku, perbuatan, kata-kata dan perasaan kasih yang diberikan adalah tulus ikhlas tanpa mengharapkan sesuatu di sebaliknya.[11] Balas membalas budi yang diamalkan dalam masyarakat Melayu Patani ini melahirkan konsep tolong menolong dalam kehidupan bermasyarakat. Ianya bukan sahaja terbentuk dan mekar dalam kelompok Melayu Patani sendiri, malah terasimilasi secara tidak langsung dengan masyarakat setempat apabila hubungan rapat dengan jiran dan rakan taulan menjadi kebiasaan.

---

10 Ismail Hamid, ***Masyarakat dan Budaya Melayu***, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 73.

11 Asmad, ***Kebudayaan Secara Umum (Siri Bunga Rampai Kebudayaan Malaysia)***, Associated Educational Distributors (M) Sdn Bhd., Melaka, 1990, hlm. 10-11.

Salah seorang generasi Wan Abdul Latif di Losong Haji Long ialah Wan Hitam binti Wan Long. Beliau adalah seorang peniaga kain yang kaya dan turut berperanan menyumbangkan wang berjumlah RM 400,000 untuk membina sebuah masjid bagi kegunaan masyarakat setempat di Losong Dato' Amar (lihat gambar 5.8 di bawah).




Gambar 5.8 : Masjid Dato' Amar yang telah siap dibina.

Masyarakat Melayu Patani juga tidak lokek dengan ilmu. Nilai berbudi yang ditaburkan kepada masyarakat bukan sekadar tenaga, malah meliputi ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang agama. Usaha yang begitu bersungguh-sungguh diselangi keikhlasan tanpa menilai melalui wang ringgit menjadikan mereka antara kelompok yang disegani dan dihormati oleh masyarakat setempat. Usaha murni mereka turut dikongsi bersama dengan cara menghulurkan sumbangan membina surau, mengadakan majlis ilmu dan sebagainya. Apabila kepercayaan antara dua kelompok ini tercerna

sepenuhnya, maka perasaan prejudis kepada orang asing akan terhapus begitu sahaja. Inilah kekuatan yang ada pada kelompok Muhajirin Patani.

Di samping itu, terdapat juga di kalangan masyarakat Melayu Patani generasi baru yang menubuhkan pusat pemulihan remaja yang bermasalah untuk bekas penagih dadah, remaja yang rosak akhlak dan seumpamanya. Pusat pemulihan itu di kenali sebagai Pondok Remaja Inabah di Sungai Ikan dan telah diusahakan oleh Ustaz Haji Othman Abdul Latif (lihat gambar 5.9).

Ustaz Osman bin Abdul Latiff dilahirkan di Kampung Katong yang terkenal dengan pondok bersejarah di Yala, Patani pada 27 Mei 1946. Beliau mula mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Siam yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan dari Darjah Satu hingga Darjah Empat. Kemudiannya beliau menyambung pelajaran di Pondok Madrasah Muhammadiah Na Pedong di Patani hingga ke peringkat Thanawi 7 dan di Sekolah Yaakubiah, Lundang, Kota Bharu, Kelantan untuk Thanawi 7,8 dan 9. Beliau mulai belajar di Kelantan pada tahun 1966 hingga 1969 dengan ketiadaan sebarang pengenalan diri atau kad pengenalan. Pada ketika ini segala tanggungannya dibiayai oleh keluarga. Apabila tamat belajar di Kelantan, beliau pulang semula ke Patani dalam jangka masa setahun dengan berniaga menjual ubat akar kayu ke merata tempat di Patani.



Gambar 5.9 : Ustaz Haji Othman Abdul Latif
(Pengasas Pondok Remaja Inabah)

Selepas pulang ke Patani, beliau mengambil keputusan menyambung pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi di Indonesia, iaitu di Universiti Islam Nusantara Bandung, pada 1969. Beliau telah bertolak ke sana melalui kapal dari Singapura ke Tanjong Periuk. Antara sebab kenapa beliau berminat untuk ke Indonesia berbanding dengan tempat yang lain seperti Timur Tengah ialah kerana mahu mencari tempat yang agak ketara dari segi gerakan revolusi. Sekurang-kurangnya apa yang akan diperolehi dari Indonesia akan dapat direalisasikan di Patani kelak yang akan berhadapan dengan pihak Siam.

Setelah tamat pengajiannya dalam bidang Syariah Islam selama enam tahun pada 1975, beliau terus menyambung belajar ilmu tasauf (sufi) di Pondok Pesantren Suryalaya selama satu tahun pula sebagai latihan pengisian dalaman dan rohani diri.

Pada tahun 1977, beliau pulang ke Patani dan mengajar bahasa Melayu di Universiti Songkhla Nakkarin selama tiga tahun. Pada waktu inilah perancangan gerakan bawah tanah dibuat di universiti tersebut yang dikenali sebagai *gerakan jamaah* yang mendapat simpati dan sokongan ramai pelajar universiti dan juga rakyat tempatan. Peranan dan kesungguhan mereka untuk menyedarkan masyarakat tentang peri pentingnya gerakan revolusi mengembalikan hak ketuanan Patani ke tangan Melayu Patani akhirnya berjaya bilamana mereka dapat menganjurkan demonstrasi selama 40 hari di Patani untuk menuntut kemerdekaan . Gerakan revolusi tersebut berjaya mengumpulkan barisan para ulama', guru-guru, pelajar dan pelbagai kelompok dan lapisan masyarakat untuk turut sama melancarkan apa yang disebut sebagai cetusan daripada rakyat umum untuk menentang Siam. Beliau yang bertindak sebagai pelopor menganggap bahawa universiti adalah tempat yang terbaik untuk menanam fikrah terhadap sesuatu pergerakan. Oleh kerana itu, apabila pihak Siam telah dapat mengenal pasti mereka yang terlibat sebagai pemimpin gerakan revolusi tersebut, maka Ustaz Osman telah menerima nasihat supaya berundur terlebih dahulu sehingga keadaan reda kembali.

Tanggal 1980, beliau mula berundur ke Kampung Kota, Kota Bharu, Kelantan dan menyewa rumah di sana. Kemudiannya, beliau turut membawa keluarganya dari Patani ke Kelantan. Menurut beliau lagi, sebaik sahaja

membawa anak isterinya ke Kelantan, pihak tentera Thai terus mengepung kampungnya untuk menangkap beliau. Setelah lebih kurang setahun berada di Kampung Kota, kawannya yang bernama Wan Hamid (iaitu anak Wan Latif – Tok Guru Besut) telah mengajaknya mencari kerja di Terengganu.

Akhirnya beliau berhijrah lagi ke Terengganu dengan menyewa rumah di Gong Kapas. Buat permulaannya beliau berniaga kuih pau di Gong Kapas dengan berbekalkan tiga buah basikal. Waktu membuat kuih pau adalah selepas Asar hingga pukul 12.00 tengah malam dan kuih tersebut mula dijual selepas waktu Subuh dengan mengelilingi bandar Kuala Terengganu. Tambah beliau lagi, kehidupannya pada masa itu begitu susah dan terdesak sehingga mereka sekeluarga pernah dihalau keluar oleh penyewa rumah kerana tidak mampu untuk melunaskan sewa selama 2 bulan (RM 150 sebulan). Justeru itu, mereka berpindah pula ke Nesan Empat dengan menyewa rumah yang lebih murah iaitu RM 90 sebulan, selama satu tahun. Pada ketika ini, mereka juga turut mengubah perniagaan daripada berniaga kuih pau kepada menjual barangan kulit dengan bantuan modal daripada orang tuanya sebanyak RM 2000. Barangan kulit seperti tali pinggang, beg dan sebagainya itu dijual di kaki lima stesen bas Gong Kapas. Dalam pada itu, datang seorang kawan gurunya dari Pesantren di Indonesia, iaitu Ustaz Ali (orang Singapura), yang membantunya dengan memberikan tambahan modal sebanyak RM 3000. Hasil daripada itu, beliau mulai menambah koleksi barangan jualannya seperti jam, mesin kira dan lain-lain.

Peranan beliau mula tertonjol dalam masyarakat bilamana terdapatnya sebuah surau yang *'mati'* di Nesan Empat. Kebetulan rumah sewanya berdekatan dengan surau tersebut, maka beliau mula mengajak jiran-jiran dan

kariah surau tersebut sama-sama bersembahyang berjamaah di situ. Lama kelamaan penduduk setempat di sekitar surau tersebut memintanya mengajar ilmu agama. Beliau pun mulalah mengajar berkenaan Islam yang berpandukan kepada kitab *Musalli*. Ramai penduduk tertarik dengan ketinggian ilmunya dan kerana itu, Ketua UMNO kawasan tersebut telah memohon jasa baik Yayasan Islam Terengganu untuk memberikan saguhati sebanyak RM 70 sebulan kepada Ustaz Osman.


Beliau bukan sekadar mengajar dua kali seminggu di surau tersebut, malah mulai terkenal dan mengajar juga di tempat yang lain, seperti di surau di Jalan Banggol, Surau Bakti di Jalan Kamaruddin dan akhirnya di Masjid Bukit Besar, Pasir Panjang. Di samping itu juga, beliau turut dipelawa dan mengajar Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama (Arab) Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu pada 1982 dengan dibayar gaji sebanyak RM 12 sehari. Kemudiannya, pihak Jabatan Agama Islam Terengganu memberikannya gaji tetap setiap bulan. Pendapatannya pada ketika itu agak memuaskan di samping hasil *Rabitah* beliau mengajar di kampung-kampung dan masjid iaitu sekitar RM 2000 sebulan.

Namun pada suatu ketika, beliau telah dijemput pulang ke Indonesia untuk berjumpa dengan gurunya di Pesantren Suryalaya. Pemergian beliau ke Indonesia amat bermakna sekali dalam hidupnya bilamana gurunya menganjurkan supaya beliau menumpukan sepenuh perhatian kepada usaha-usaha kemasyarakatan, yakni menyelesaikan masalah masyarakat seperti penagihan rokok, dadah, narkotik, kerosakan akhlak dan seumpamanya, demi berbakti kepada agama dan negara. Setelah sebulan berada di Pesantren tersebut, beliau pulang pada 1988 dan terus mengambil keputusan berhenti

mengajar. Justeru itu, dengan berbekalkan semangat dan komitmen yang tinggi, beliau mulai mengumpulkan wang untuk mendapatkan tanah sebagai tapak pusat pemulihan yang dirancangkan. Beliau terpaksa menjual semua harta yang ada termasuk kereta dan sebagainya untuk membeli tanah seluas 9 ¾ ekar di Sungai Ikan yang berharga RM 50,000. (lihat gambar 5.10 dan 5.11)




Gambar 5.10 : Pondok Remaja Inabah



Gambar 5.11 : Kawasan pondok remaja Inabah beserta surau yang telah diperbesarkan.

Sewaktu Pusat Pemulihan Remaja Inabah mula dibuka pada 1985, beliau hanya menubuhkan sebuah surau sahaja sebagai tempat untuk memulihkan remaja yang bermasalah. Pada 1989, beliau mula memohon bantuan daripada pihak Kementerian Pertahanan untuk membantu mendirikan bangunan asrama peserta. Walaupun mengalami masalah kewangan, beliau telah mendapat simpati masyarakat dan mendapat bantuan bahan-bahan pembinaan seperti papan dan sebagainya dari bangunan lama asrama pelajar di KUSZA yang diganti baru untuk membina bangunan asrama pondok remaja Inabah tersebut. Pondok tersebut mulai berkembang apabila memperolehi bantuan dan kerjasama pihak Pejabat Daerah Kuala Terengganu untuk membina jalan ke pondok yang dibina itu.

Selaras dengan perkembangannya, Pondok Remaja Inabah telah mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak PEMADAM Kebangsaan dan telah diakui sebagai Pusat Lanjutan Bersama PEMADAM Kebangsaan bermula pada 29 Mac 1991. Pusat ini juga didaftarkan sebagai Pusat Pemulihan Dadah Persendirian semenjak Februari 1998 oleh Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri (Nombor Rujukan: ADK (KDN): 30/12-(24). Pihak kerajaan negeri juga turut membantu dengan melantik pusat ini sebagai Anggota Unit Perpaduan Ummah Negeri Terengganu dan dikenali juga dengan Pertubuhan Yayasan Serba Bakti Nurul Iman (lihat gambar 5.12). Selain daripada itu, pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga seringkali mengutus kawat tahniah kepada pondok tersebut yang telah berjaya menyelesaikan masalah remaja hingga 70 hingga 80 peratus dari kes yang dikendalikan.



Gambar 5.12 : Koleksi sijil dan penghargaan dari dalam dan luar negeri.

Menurut Ustaz Osman Abdul Latiff, kaedah dan sukatan pengajaran yang diaplikasikan di pondok tersebut adalah berdasarkan zikir *Naqshabandi* dan *Qadiriah* dari Pesantren Suryalaya di Indonesia. Dalam pada itu, tiga kaedah asas yang digunakan dalam proses pemulihan tersebut adalah seperti mandi taubat pada pukul 4.30 pagi setiap hari, pengamalan *Kalimah Thoiyyibah* dan solat sunat 100 rakaat sehari semalam. Pada pendapat beliau, sebenarnya masalah seperti penagihan rokok, dadah dan kerosakan akhlak ini hanya akan dapat diselesaikan dengan pembersihan hati dan jiwa. Ini kerana hati dan jiwa mangsa tersebut telah menjadi kotor dan perlukan pembersihan dalaman yang jitu serta menyeluruh. Penyelesaian yang berbentuk penderaan,

torture, dan dikawal dengan disiplin yang ketat sepertimana yang dilaksanakan oleh PEMADAM tidak akan menyelesaikan masalah tersebut, malah perasaan mangsa akan lebih tertekan. Oleh kerana itulah seringkali berlaku rusuhan di pusat pemulihan dan sebagainya. Namun di Pusat Remaja Inabah yang dikelolakan oleh Ustaz Osman ini tidak pernah wujud kes peserta yang melarikan diri walaupun tiada kawalan keselamatan dan tidak berpagar (lihat gambar 5.13 dan 5.14). Para peserta juga didedahkan dengan pelbagai projek ekonomi sampingan, seperti membuat batu bata, keropok dan pertanian.

Keberkesanan kaedah tersebut menjadi suatu kebanggaan kepada pihak PEMADAM dan sejak akhir-akhir ini, pihak tersebut mulai mengambil kaedah sepertimana yang dilaksanakan di Pondok Remaja Inabah. Justeru itu, peranan yang dimainkan oleh Ustaz Osman dalam program membentuk masyarakat setempat malah hingga ke peringkat nasional amatlah besar sekali. Barangkali pihak tertentu ataupun kita sendiri tidak melihat perkara ini sebagai sesuatu yang penting tetapi sesungguhnya peranan dan komitmen di samping kesusahan yang dialami selama ini untuk berbakti demi agama dan negara tidak dapat disangkal lagi.



Gambar 5.13 : Asrama peserta



Gambar 5.14 : Salah satu projek sampingan peserta iaitu membuat kepingan bata simen.

Proses kemunculan dan penerapan budaya di kalangan Melayu Patani semenjak awal dengan pengaruh Hindu dan kemudiannya disusuli pula pengaruh Islam telah membentuk elemen pengkayaan dalam budaya Melayu Patani hingga ke hari ini. Raja Ijau (1584-1616) mempelopori persembahan Mak Yong, manakala Raja Ungu (1624-1635) pula mempelopori persembahan Tarian Asyik. Pada keseluruhannya, masyarakat Melayu Patani diliputi oleh kekayaan pelbagai jenis budaya termasuklah Tarian Inai, Permainan Gasing Leper, Perahu Kolek Buatan Barat, Dikir Barat, Seni Bina dan Seni Ukiran, Rebana Ubi dan seumpamanya. Namun begitu, proses pembinaan budaya di Terengganu dikatakan berlaku hasil pertembungan antara budaya Melayu Patani dengan Melayu Johor.[12]

Selain daripada itu, terdapat satu contoh kepercayaan yang masih dipegang sehingga ke hari ini, iaitu kelompok Wan, khususnya keturunan Haji Wan Endut di Losong, tidak makan ***ikan kekacang***. Ianya adalah rentetan peristiwa ikan kekacang yang menolong Haji Wan Endut sewaktu beliau karam di laut. Oleh kerana ingin membalas jasa baik ikan tersebut, maka keturunannya tidak akan makan ikan kekacang.

5.1.6 Pengaruh Rekabentuk Seni Bina

Penyebaran dan pengadaptasian budaya bukan sekadar menyentuh aspek identiti, perkahwinan dan nilai, malah aspek fizikal seperti reka bentuk rumah kediaman yang bertunjang daripada budaya Patani. Hal ini jelas sekali diutarakan oleh Mubin Sheppard iaitu:

> "The strongest external influences on Malay culture and fashion in Terengganu and Kelantan in the eighteenth century came from Patani, (now part of South Thailand) ..."[13]

i) Rumah Tradisional Terengganu

Rumah tradisi Melayu yang terkenal di Pantai Timur Semenanjung termasuk Kelantan dan Terengganu iaitu *Rumah Bujang* dan *Rumah Tiang Dua Belas* atau dikenali juga sebagai *Rumah Serambi* adalah berasal dari Patani. Rumah Tiang Dua Belas menjadi asas dalam ciri seni bina istana Raja-Raja Terengganu pada zaman tradisional.[14] Rumah Tiang Dua Belas dikenali sebagai *Rumah Limas* di Terengganu iaitu:

> "In Trengganu, the first of a series of basically similar buildings to replace the ***Rumah Tiang Dua Belas*** was called ***Rumah Limas – The Shallow House***. The word shallow referred to shape of the roof, and it drew attention to the most obvious difference between the old and the new form."[15]

Walaupun demikian, menurut seorang pengkaji rumah tradisional Melayu, Rumah Tiang Dua Belas di Terengganu hampir pupus. Kebanyakan rumah seperti ini hanya terdapat di sekitar Kampung Petani, Kampung Kapur, Kampung Jalan Nesan dan beberapa kampung lain di sekitar bandar Kuala

---

12 Mohd Zamberi A.Malek, Kebudayaan dan Tamadun Melayu Patani, ***Simposium Wilayah Perbatasan Malaysia-Thailand***, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 16 Mac 1996, hlm. 13.

13 Sheppard, Tan Sri Haji Mubin, "Traditional Malay House Forms in Terengganu and Kelantan", ***JMBRAS***, V. 42, Pt.2, Dec. 1969, hlm. 6.

14 Abdul Halim Nasir dan Wan Hashim Wan Teh, ***Rumah Melayu Tradisi***, Fajar Bakti Sdn Bhd., Kuala Lumpur, 1994, hlm. 31.

15 ***Ibid.***, hlm. 7.

Terengganu.[16] Hal ini didapati benar oleh pengkaji sendiri yang membuat kajian dan pemerhatian sekitar bandar Kuala Terengganu pada tahun 1996 (lihat gambar 5.15).



Gambar 5.15 : Rekabentuk rumah lama yang terdapat di Kampung Petani masih mengekalkan ciri seni bina seperti di Patani.

16 *op.cit.*

Semenjak tahun 1980-an, kebanyakan rumah tradisional Melayu di sekitar bandar Kuala Terengganu telah dimusnahkan untuk pembangunan. Antara rumah tradisional yang terlibat ialah seperti *Rumah Tiang Dua Belas*, *Rumah Bujang*, *Rumah Limas Bungkus*, *Rumah Bujang Berselasar* dan *Rumah Duduk Fesyen Belanda*.[17]

Pada tahun 1882, Kuala Terengganu telah dilanda satu kebakaran besar yang dikenali sebagai *Api Pechah Gedong*. Kebakaran tersebut telah memusnahkan hampir 1600 buah rumah, termasuk istana sultan (Istana Ijau) di kaki Bukit Puteri (lihat gambar 5.16).[18] Sultan Zainal Abidin III telah mengarahkan supaya dibina sebuah istana baru untuk menggantikan istana yang telah musnah dalam kebakaran tersebut. Setelah itu, ianya mula dibina dan dinamakan Rumah Tele yang dibentuk mengikut struktur Rumah Tiang Dua Belas. Rumah Tele ini siap sepenuhnya pada tahun 1888. Raja Thailand dan rombongannya pernah tinggal di rumah tersebut sewaktu melawat Terengganu pada 1889.


Kemudiannya, rumah tersebut dihuni oleh Tengku Nik Haji sehingga awal tahun 1970. Pada ketika itu ianya mula digelar Istana Tengku Nik. Dalam pada itu, Istana Tengku Nik terpaksa dipindah ke kawasan lain disebabkan oleh projek pembesaran Istana Maziah yang berhampiran. Akhirnya tapak baru ditemui bertentangan dengan Sekolah Menengah Sultan Sulaiman dan berdekatan Istana Badariah. Kerja perobohan dan pembinaan semula istana tersebut telah diamanahkan kepada seorang tukang rumah yang

---

17 Lihat Sharon Saleh, "Rumah Tiang Dua Belas Sudah Lenyap di Terengganu", ***Mingguan Malaysia***, 6 April 1980; Yusof Sukiman, Tukang-Tukang Melayu Sudah Berkurangan, ***Mingguan Malaysia***, 23 Mac, 1980.

18 Dusun Nyior, "The Rescue of 'Istana Tengku Nik' Trengganu", ***Malaysia in History (MIH)***, Vol. XIII, No.2, Dec. 1970, hlm. 35. Istana Tengku Nik mempunyai keluasan

termasyhur (*master builder*) pada ketika itu daripada keturunan Wan, iaitu Haji Wan Sulong bin Wan Ahmad dari Chabang Tiga, Kuala Terengganu[19]. Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada 50 tahun dalam kerja pembinaan rumah.[20] Beliau dibantu oleh Wan Muda bin Nik Mat dan 12 orang tukang kayu Melayu.



Gambar 5.16 : Istana Hijau (Istana Sultan Omar-Sultan Terengganu ke-9) mula dibina pada hari Jumaat, 12 Februari 1869 bersamaan 1286H.

60 kaki panjang, 36 kaki lebar, kemuncak atap hingga ke tanah sepanjang 26 kaki dan jarak antara lantai dengan tanah pula setinggi 7 kaki.

19 Beliau tinggal di Lot 1793, Mukim Chabang Tiga. Lihat PTG *CLM 10/1957*, Proclamation Under Section 7 of the Settlement Enactment District of Kuala Terengganu (17/7/1957) Mukim of Chabang Tiga, District of Kuala Terengganu.

20 Dusun Nyior, *op.cit*.



Gambar 5.17 : Salah satu bentuk Rumah Tele yang masih ada di Losong.



Gambar 5.18 : Rumah Tiang Dua Belas yang hampir musnah di Pulau Duyong Besar.

ii) Dato' Biji Sura dan Pembinaan Kota Lama Duyong.

Pembinaan Kota Lama Duyong telah diusahakan oleh cicit Tok Syeikh Duyong yang bernama Nik Mohamed bin Hitam (1890 – 1955). Beliau lebih dikenali sebagai Dato' Biji Sura atau Tok Hakim. Pada masa kecilnya, Dato' Biji Sura dikatakan mempunyai *'otak besi berani'* kerana kepintarannya dan belajar agama dengan Wan Ismail Salleh (Duyong Besar). Beliau memulakan karier sebagai kerani di Mahkamah dan kemudiannya menyandang empat jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan Terengganu iaitu Ahli Majlis Di Raja, Ahli Mesyuarat Menteri, Pesuruhjaya Hal Ehwal Ugama dan Hakim Besar di Mahkamah Syariah. Malah beliau pernah terlibat sebagai salah seorang ahli lembaga merangka Perlembagaan Negeri Terengganu yang pertama pada 1911.

Selain terkenal sebagai Juara Catur, beliau adalah seorang yang peramah dan rajin meneroka bidang baru termasuklah membuka ladang duku yang pertama di Beladau.

Kota Lama Duyong dibina selama dua tahun iaitu antara tahun 1919 – 1920 oleh dua orang tukang rumah Cina dari Singapura. Kota ini mempunyai sembilan bumbung, dapur, bilik mandi, beranda, tangga dan titian. Rupa bentuk kota ini seperti istana kecil Melayu yang terdiri daripada rumah kayu, termasuk bentuk *Bujang Berpeles*, *Limas Bungkus* dengan lambung dan sobek di keliling beranda. Bahan pembinaan kota ini pula terdiri daripada kayu cengal kampung, manakala bahagian batu, termasuk tembok, daripada tanah liat, pasir, telur, madu, kapur (daripada kulit kerang), cat debu, nila dan sebagainya.

Setelah sekian lama, Kota Lama Duyong akhirnya terbiar tanpa penjagaan melainkan anak sulung Dato' Biji Sura yang menetap di sana sehingga tahun 1986 (lihat gambar 5.19 hingga 5.21). Menyedari hakikat kepentingan kota ini sebagai bahan tinggalan sejarah yang penting, maka sebuah jawatankuasa untuk membaik pulih kota tersebut ditubuhkan. Ahli-ahli jawatankuasa berkenaan terdiri daripada pihak Kerajaan Negeri Terengganu, Muzium Negeri Terengganu, Persatuan Sejarah, Badan Warisan Malaysia dan penduduk Pulau Duyong sendiri. Pembaikpulihan kota ini akan menelan kos lebih kurang RM 400,000 dan ianya akan dijadikan sebagai mini muzium untuk tujuan pelancongan.



Gambar 5.19 : Tinggalan Kota Lama Duyong sedang dibaik pulih.



Gambar 5.20 : Kelihatan pintu tembok Kota Lama Duyong sedang diperbaiki.



Gambar 5.21 : Kerja membina semula struktur Kota Lama Duyong sedang dijalankan.

5.2 Kesimpulan

Peranan masyarakat Melayu Patani dalam aspek sosio-budaya di Kuala Terengganu amat besar sekali. Ianya bukan setakat berjaya dalam proses sosialisasi malah mampu memimpin, merubah, memenuhi dan mempengaruhi aspirasi masyarakat. Wujudnya nilai dan budaya sama ada berbentuk kesenian, adat dan seni bina yang begitu tinggi turut menunjangi potensi kelompok mereka untuk berada pada status yang tinggi di mata masyarakat.